

**BAHAGIAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
PESIRAN BUKIT KIARA  
50604 KUALA LUMPUR**

**MEMO DALAMAN**

Kepada : Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri  
(Lampiran 1)

Daripada : Pengarah  
Bahagian Teknologi Pendidikan

Salinan : Timbalan Pendidikan Bestari  
Bahagian Teknologi Pendidikan

Ruj. Kami : KPM.600-11/1/4 Jld. 2 ( 34 )

Tarikh : 21 Mei 2018

Perkara : **PENARAFAN PEMBESTARIAN SEKOLAH MENGGUNAKAN  
SMART SCHOOL QUALIFICATION STANDARDS (SSQS)  
TAHUN 2018**

---

Tuan / Puan,

Sukacitanya perkara di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan penarafan pembestarian sekolah menggunakan *Smart School Qualification Standards* (SSQS) setiap tahun untuk mengukur tahap pembestarian sekolah-sekolah Malaysia. SSQS digunakan sebagai salah satu indikator asas bagi mengukur tahap pencapaian Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, khususnya Anjakan 7, Memanfaatkan ICT bagi Meningkatkan Kualiti Pembelajaran di Malaysia serta menjadi input kepada pelbagai program pembestarian sekolah dalam pembangunan sumber manusia dan tenaga kerja yang berteraskan pengetahuan (*k-economy*).

3. Sehubungan itu, tuan / puan dipohon untuk menyelaraskan pelaksanaan dan pemantauan SSQS di peringkat negeri masing-masing bersama-sama Pusat Kegiatan Guru (PKG) dengan bantuan penyelarasan di peringkat sekolah oleh Guru

Penyelaras Bestari / Guru Penyelaras ICT. Penarafan ini akan dilaksanakan secara dalam talian (<http://btp.moe.gov.my/>), mulai **16 Julai hingga 30 Ogos 2018**. Satu surat pemberitahuan pelaksanaan SSQS ini telah dipanjangkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing.

4. Kerjasama, sokongan dan perhatian pihak YBhg. tuan / puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



(ZAIDI BIN YAZID)  
zaidi.yazid@moe.gov.my